

18/07/2000

Saranan bernas daripada PM

PERNIAGAAN, dalam apa bentuk sekalipun, adalah berkait rapat dengan penawaran dan permintaan. Penawaran yang jauh mengatasi permintaan tidak akan memberi keuntungan, sebaliknya menyebabkan kejatuhan harga barang yang hendak diniagakan. Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin meminta masyarakat Cina membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Bumiputera, ia sebenarnya turut menjanjikan pulangan keuntungan kepada mereka. Apabila meningkatnya kuasa membeli di kalangan masyarakat Bumiputera, perniagaan masyarakat Cina dengan sendirinya akan turut bertambah maju. Kerana itu juga, saranan Perdana Menteri mengenai kerjasama yang diharapkan itu tidak harus dipandang sinis.

Sambil kita tidak menafikan sudah ada peniaga Cina yang membantu masyarakat Bumiputera, baik dalam perniagaan mahupun bidang lain, perkembangannya masih agak terbatas, mungkin kerana rasa curiga yang masih menebal. Namun, sebagai golongan yang turut menimba manfaat besar daripada nikmat kemakmuran, adalah wajar bagi mereka membantu agar masyarakat Bumiputera yang selama ini ketinggalan, dapat meningkatkan diri dalam merapatkan jurang yang ada, walaupun tidak setaraf. Ini dengan sendirinya akan dapat menghakis rasa iri hati Bumiputera terhadap masyarakat Cina dan seterusnya memupuk suasana lebih harmoni. Keadaan ini kemudiannya agak menjadi galakan kepada lebih banyak pelaburan yang menawarkan peluang lebih besar kepada semua. Ekonomi negara yang lebih kukuh, menjanjikan manfaat yang dapat dinikmati bersama.

(END)